



BL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (53)

Tarikh: 8 November 2023

MBPJ SIAP SIAGA MENGHADAPI BENCANA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melaksanakan persiapan dan meningkatkan tahap siap siaga bencana dalam menghadapi perubahan Monsun Timur Laut (MTL) di kawasan Petaling Jaya. Di antara persediaan yang telah dilakukan adalah merangkumi elemen seperti pemantauan di lokaliti *hotspot*, pemantauan melalui kamera litar tertutup (cctv), pengurusan logistik serta pemantapan sumber manusia bagi menangani impak risiko kejadian bencana.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Aznan Hassan berkata, pihak Majlis telah melaksanakan tindakan bagi menangani isu-isu banjir di kawasan Petaling Jaya dengan pembinaan sebanyak empat (4) projek *On-Site Detention* (OSD) yang telah bermula pada Oktober 2022 di lokaliti *hotspot* seperti berikut :-

- i) Taman Buana Perdana, PJS 3, Petaling Jaya**
- ii) Taman Sri Manja, PJS 3, Petaling Jaya**
- iii) Taman Dato' Harun, PJS 2, Petaling Jaya**
- iv) Taman Medan Baru, PJS 2, Petaling Jaya.**

Tambah beliau lagi, pada masa kini, OSD telah siap sepenuhnya di kawasan Taman Buana Perdana, PJS 3, manakala bagi tiga (3) lagi kawasan yang lain pula, ianya telah mencapai tahap 80% dan dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2024. Dengan pembinaan OSD ini akan dapat menangani isu banjir di lokasi-lokasi tersebut.

Kesiap siagaan di pihak Majlis juga merangkumi pengurusan logistik yang terdiri daripada pembelian dua (2) unit bot serta ketersediaan 46

buah kenderaan kecil dan jentera berat. Selain daripada itu, sebanyak 24 dewan dan balairaya untuk tujuan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) juga boleh digunakan pada bila-bila masa bagi menempatkan mangsa-mangsa bencana secara sementara.

Pihak Majlis juga telah menyediakan kekuatan sumber manusia yang mencukupi termasuk 32 pegawai dan anggota pasukan PANTAS, 42 *Person In Charge (PIC)* bencana, serta 110 orang sukarelawan. Selain daripada itu, pihak Majlis juga telah melaksanakan kolaborasi di antara pasukan PANTAS MBPJ dan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan. Manakala, Taklimat Simulasi Bencana dan *Focus Group Discussion (FGD)* juga telah diadakan pada 17 Oktober 2023 bersama agensi-agensi terlibat.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (54)

Tarikh: 9 November 2023

MBPJ RANGKUL ANUGERAH EMAS DI BEIJING, CHINA DENGAN INOVASI *FLUSH MOUNT CAP – GRATING*.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah berjaya memperoleh pengiktirafan tertinggi dengan memenangi anugerah emas sempena **The 48th International Convention On Quality Control Circles 2023**, yang telah diadakan di Beijing, China.

MBPJ yang diwakili oleh kumpulan Iron Squadron dari Jabatan Kejuruteraan MBPJ memperkenalkan inovasi Flush Mount Cap (FMC) - Grating merupakan projek inovasi yang dihasilkan oleh kakitangan MBPJ untuk menyelesaikan masalah *grating dan manhole* yang mendap selepas kerja-kerja korekan dan *penyelenggaraan (mill and pave)* jalan.

Oleh kerana terdapat banyak aduan grating berulang dan kerja-kerja penyelenggaraan mengambil masa yang lama maka kumpulan Iron Squadron telah mencipta Flush Mount Cap – Grating bagi menukarkan grating yang lama dengan tujuan penciptaan grating yang baru bagi menambahbaik grating sedia ada.

Inisiatif ini juga merupakan salah satu usaha berterusan Majlis untuk mengembangkan potensi inovasi dalam perkhidmatan selari dengan matlamat utama MBPJ ke arah *Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient (PJSSR)* 2030.

Konvensyen ini telah disertai sebanyak 13 buah negara iaitu China, India, Indonesia, Korea, Singapore, Malaysia, Thailand, Hongkong China, Taiwan China, Zambia, Mauritius, Sri Lanka dan Bangladesh yang telah berlangsung pada 30 Oktober hingga 2 November 2023 yang lalu.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (55)

Tarikh: 10 November 2023

MBPJ TERIMA DUA ANUGERAH UTAMA SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2023.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima dua anugerah utama iaitu **Penghargaan Bandar Mampan 2023** dan **Anugerah Penarafan Bandar Pintar 2023 - Smart City Early Adopter 2023** dalam anugerah **Malaysia Urban Planning Awards (MUPA)** sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2023 Peringkat Kebangsaan yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Dewan Seri Siantan, Kompleks Persidangan Perbadanan Putrajaya.

Bertemakan 'Malaysia Madani Komuniti Sejahtera' ianya selaras dengan agenda kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI serta fokus Kementerian mengenai pemeraksanaan penglibatan komuniti melalui tadbir urus bandar untuk pembangunan dan kehidupan yang sejahtera.

Penganugerahan ini telah diterima oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Aznan Bin Haji Hassan diiringi oleh Pengarah, Timbalan Pengarah dan Pegawai-Pegawai Jabatan Perancangan Bandar selaku urusetia program MURNInets dan *Smart City*.

Anugerah ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan kepada seluruh Warga Kerja MBPJ terutamanya pengurusan tertinggi, ahli Majlis kerana sentiasa membantu dalam penyediaan dasar, polisi dan halatuju di dalam aspek kemampuan bandar dan Bandar Pintar.

Permarkahan Bandar Mampan ini dibuat melalui Pengukuran Bandar Mampan MURNInets yang dinilai berdasarkan 6 dimensi utama iaitu Ekonomi Berdaya Saing, Kualiti Alam Sekitar, Komuniti Sejahtera, Guna Tanah dan



Sumber Asli Optimum, Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien dan Urustadbir Efektif.

Bagi Anugerah Penarafan Bandar Pintar - *Smart City Early Adopter* pula ianya dinilai berdasarkan keputusan penilaian panel penilai Jawatankuasa Penarafan Bandar Pintar yang telah mengangkat dan memperakukan MBPJ sebagai sebuah Bandar Pintar berdasarkan 10 indikator iaitu *City Services Requested Online, Construction Permits Through e-Submission, E-Payment to the City, Online Booking for Public Recreation and Sports Facilities, Digital Surveillance Camera, Smart Street Light with Performance System, Refurbished / Newly Installed Street Lighting, parking space with e-Payment Systems, Intelligent / Smart Traffic Lights dan Fast Broadband.*

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus beriltizam dalam menawarkan dan memberikan perkhidmatan perbandaran yang cekap, efisien dan berkesan selaras dengan ekspektasi tinggi daripada pemegang taruh dan penduduk Petaling Jaya.

MBPJ juga komited merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara serta memberi manfaat kepada rakyat di Petaling Jaya dalam menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (56)

Tarikh: 16 November 2023

MBPJ DINOBAHKAN PBT CEMERLANG (BANDARAYA) 2023

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Cemerlang (Bandaraya) di Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023 yang julung-julung kali diadakan di St. Regis Kuala Lumpur pada 11 November 2023.

MBPJ mendahului 5 calon lain PBT Bandaraya Cemerlang antaranya Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Bertemakan “Kemuncak Kecemerlangan” AKM 2023 ini merupakan hasil cetusan idea YB Menteri KPKT dan julung kali diadakan pada tahun ini. Ia bertujuan memantapkan tahap motivasi seluruh pasukan KPKT agar lebih cemerlang dalam aspek pelaksanaan tugas, kepimpinan, inovasi dan sosial.

Anugerah ini juga merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menghargai sumbangan, kecemerlangan dan kejayaan warga KPKT dan PBT dalam mengharumkan nama KPKT. Ia juga pengiktirafan atas sumbangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan khususnya dalam masyarakat setempat serta menunjukkan prestasi dan daya kerja cemerlang, progresif, berdaya maju dan dinamik dalam melonjakkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan yang membangunkan lokaliti masing-masing.

Sebanyak 12 kategori dipertandingkan merangkumi lapan anugerah bagi kategori individu iaitu Anugerah Keunggulan Menteri, Anugerah Berlian KPKT, Anugerah Kepimpinan Terbaik dan Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik.



Empat lagi ialah kategori berpasukan iaitu Anugerah Hijau KPKT, Anugerah Organisasi Sejahtera, Anugerah Organisasi Paling Responsif dan Anugerah PBT Cemerlang.

Hadir bagi menerima anugerah ini ialah Yang Berusaha Tuan Aznan bin Haji Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya.

Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023 (AKM 2023) ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II diiringi YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri KPKT. Turut hadir Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Johari Abdul dan Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Akmal Nasrullah Mohd Nasir.

Terdahulu, MBPJ telah merangkul dua anugerah utama di Malaysia Urban Planning Awards (MUPA) sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2023 Peringkat Kebangsaan bagi kategori Anugerah Penghargaan Bandar Mampan 2023 dan Anugerah Penarafan Bandar Pintar 2023 yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Dewan Seri Siantan, Kompleks Persidangan Perbadanan Putrajaya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (57)

Tarikh: 16 November 2023

MBPJ BUKA PERMOHONAN PERMIT BAZAR TAHUN BARU CINA 2024 SECARA DALAM TALIAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membuka permohonan tapak bazar untuk perniagaan sempena Tahun Baru Cina 2024. Tapak permit berkenaan boleh dimohon secara dalam talian bermula di pautan <http://elesen.mbpj.gov.my> bermula pada **24 November 2023 (Jumaat)** hingga **7 Disember 2023 (Khamis)**.

Sebanyak 3 lokasi tapak bazar Tahun Baru Cina disediakan oleh Majlis melibatkan jumlah keseluruhan petak di ketiga-tiga buah lokasi iaitu 47 petak. Berikut adalah lokasi tapak dan jumlah petak yang diperuntukkan.

Bil	Lokasi	Jumlah Petak
1.	Pasar Jalan Othman	12
2.	Pasar Taman Megah	16
3.	Pasar Kampung Cempaka	19
Jumlah		47

Justeru, Majlis mengajak orang ramai khususnya peniaga untuk melayari laman sesawang MBPJ bagi membuat permohonan tersebut.

Sebarang maklumat atau pertanyaan boleh hubungi Jabatan Pelesenan, Pembangunan Perniagaan dan Usahawan MBPJ di Tingkat 6, Menara MBPJ ditalian 03-7954 1560 atau 7960 4667 atau layari laman sesawang www.mbpj.gov.my dan laman sosial Majlis - Facebook: @Majlis Bandaraya Petaling Jaya / Tiktok, Twitter, Instagram dan youtube MBPJ: @pjcitycouncil.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



BL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (58)

Tarikh: 23 November 2023

111 PREMIS TERIMA ANUGERAH PREMIS BERSIH MBPJ

Sebanyak 111 pemilik premis makanan dan tandas awam di Petaling Jaya menerima pengiktirafan Anugerah Premis Makanan dan Tandas Bersih 2023 daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Aznan Hj Hassan berkata “pengiktirafan ini diberikan bagi menghargai usaha pemilik premis makanan dan tandas bersih di atas inisiatif mereka menjaga dan mengekalkan tahap kebersihan premis makanan dan tandas bagi mencapai standart terbaik melalui kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh majlis.”

“Pada masa sama ia juga dapat meningkatkan tahap kesedaran pengusaha premis makanan dan tandas untuk sentiasa mengekalkan tahap kebersihan premis pada setiap masa.”

Tambah beliau, “melalui pengiktirafan sebegini diharapkan dapat meningkatkan daya saing mana-mana pemilik premis untuk menjadikan premis mereka sebagai premis yang bersih dan secara tidak langsung dapat meningkatkan jumlah premis makanan dan tandas bersih di Petaling Jaya.”

Pengiktirafan ini diberikan kepada 84 premis makanan dan 27 penerima kategori tandas awam.

Bagi kategori premis makanan yang diberi pengiktirafan ialah restoran berhawa dingin, restoran tidak berhawa dingin, dapur hotel, kafe dan bakeri, restoran makanan segera, kompleks beli belah, medan selera swasta, kompleks gerai MBPJ, gerai individu MBPJ, kantin sekolah rendah dan kantin sekolah menengah.

Bagi kategori tandas awam yang menerima anugerah ini adalah tandas awam majlis, tandas awam di bangunan majlis, terminal pengangkutan awam, kompleks beli belah, gerai & pasar, restoran berhawa dingin, restoran tidak berhawa dingin serta stesen minyak.

Kriteria pemilihan dibuat meliputi beberapa aspek termasuk kebersihan, kawalan mutu makanan, pematuhan syarat permit, persekitaran dan mesra pelanggan.

Ia dinilai panel juri terdiri daripada pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), pegawai dari Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, pegawai dari Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Pejabat Kesihatan Daerah dan jabatan dalaman MBPJ.

Justeru, dengan adanya program seperti ini, risiko kejadian kes-kes keracunan makanan serta penyakit bawaan makanan dan minuman boleh dikurangkan demi menjamin suasana persekitaran yang bersih dan keselesaan kepada pengguna setiap masa. Semua pihak perlu bersama-sama MBPJ untuk terus menyumbang kepada pembentukan sebuah bandaraya pintar, mampan dan berdayatahan menjelang tahun 2030.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (59)

Tarikh: 25 November 2023

PROGRAM MESRA RAKYAT PERKUKUH KERJASAMA MBPJ DENGAN KOMUNITI SETEMPAT

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Program Mesra Rakyat Dewan Negeri (DUN) Bukit Gasing bertempat di Laman MBPJ dan Dataran Boulevard, Petaling Jaya.

Program ini merupakan usaha dan keprihatinan Majlis bagi mewujudkan hubungan kejiwaan yang harmoni selain memberi manfaat kepada pelbagai peringkat komuniti Petaling Jaya selaras dengan hala tuju Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan @PJSSR2030. Ini secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturahim antara komuniti setempat terutama sekali komuniti Bukit Gasing serta memperkukuhkan ikatan ukhwah dan persaudaraan melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Disamping itu, Program Mesra Rakyat ini juga akan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada komuniti setempat berkaitan inisiatif, program dan perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis dan juga Kerajaan Negeri Selangor melalui aktiviti pameran dan lain-lain aktiviti yang disediakan.

Secara tidak langsung, program seumpama ini dapat menjalinkan kerjasama dan hubungan dua hala di antara pemimpin masyarakat dan penduduk setempat dengan pihak Majlis serta sebagai salah satu sumbangan khidmat sosial pihak Majlis kepada komuniti.

Pada masa sama, kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan swasta dapat diperkukuhkan lagi melalui pendekatan yang lebih dinamik disamping dapat membantu komuniti setempat memperoleh manfaat daripada

perkongsian kerjasama ini. Majlis juga berharap program sama akan diteruskan pada masa hadapan.

Antara pengisian Program Mesra Rakyat kali ini ialah pameran oleh agensi kerajaan, NGO dan agensi luar, pemeriksaan kesihatan, pertandingan mewarna (kategori 5-6 tahun, 7-9 tahun, dan 10-12 tahun), *street soccer* remaja (L), bola jaring remaja 3 on 3 (P), sukaneka, cabutan bertuah, dan lain-lain aktiviti antaranya seperti *petting zoo*, *face painting*, dan *bouncy castle*.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Aznan bin Haji Hassan. Hadir sama, Ahli Dewan Negeri Bukit Gasing, YB Tuan Rajiv A/L Rishyakaran dan Ahli-Ahli Majlis MBPJ.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (60)

Tarikh: 25 November 2023

KARNIVAL OKU MBPJ-KBS 2023 PERINGKAT NEGERI SELANGOR.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus komited memperkasakan agenda memperkasakan ruang dan hak orang kurang upaya (OKU) di negeri ini menerusi penganjuran pelbagai program dan aktiviti berbudaya sukan untuk golongan tersebut.

Bermula pada 25 hingga 26 November 2023, MBPJ dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan Karnival OKU MBPJ-KBS 2023 Peringkat Negeri Selangor.

Karnival yang berlangsung selama dua hari ini berjaya menarik penyertaan seramai 600 orang peserta bagi dua aktiviti utama iaitu ceramah dan pertandingan bagi mencungkil bakat baru negeri selangor bagi persediaan sukan para sukma 2024 melibatkan sukan renang, pingpong, angkat berat, boccia, memanah dan catur.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Aznan Hj. Hassan berkata, selain mencari bakat baru untuk negeri Selangor, karnival ini bertujuan untuk mewujudkan peluang yang adil dan inklusif bagi OKU untuk terlibat dalam aktiviti sukan, meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keupayaan OKU, serta mendorong pemulihan, kecergasan, dan pemerksaan diri bagi peserta OKU.

“Golongan OKU adalah sebahagian daripada masyarakat yang memiliki kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti insan yang lain.”

Tambah beliau lagi, bagi memastikan golongan OKU tidak ketinggalan, mereka perlu diberi peluang untuk terlibat dalam apa juga program berbentuk gaya hidup sihat yang boleh memberi nilai tambah kepada individu OKU itu sendiri.

Penganjuran karnival ini juga selari dengan pelan *Petaling Jaya Smart, Sustainable And Resilient City* (PJSSR) 2030 di bawah *Thematic Inclusive City* yang mensasarkan penglibatan semua golongan termasuk kanak-kanak, wanita, warga emas dan OKU serta golongan miskin di Petaling Jaya. sebagai sebuah bandaraya yang *inclusive* MBPJ sangat menitikberatkan setiap keperluan dan kebajikan golongan orang kurang upaya di Petaling Jaya.

Majlis perasmian Karnival OKU MBPJ-KBS 2023 Peringkat Negeri Selangor ini telah dirasmikan oleh timbalan datuk bandar Petaling Jaya, Aznan Hj. Hassan. Turut hadir pengarah jabatan belia dan sukan negeri Selangor, Azura Binti Haji Sarbin dan ketua penggalakkan sukan, Majlis Sukan Negara, Ameen Zaki bin Johar.

Sebelum ini, bermula pada tahun 2008 hingga 2019, MBPJ telah mengambil inisiatif mengadakan program-program sukan melibatkan golongan istimewa ini antaranya Karnival PARA MBPJ dengan kerjasama Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) yang memfokuskan sukan-sukan seperti boccia, badminton, *wheelchair basketball*, *wheelchair tennis*, bola sepak (cacat penglihatan/kudung dan masalah pembelajaran) dan chess.

Pada tahun 2008 juga, MBPJ turut menganjurkan Kejohanan Goalball bagi merebut piala datuk bandar yang melibatkan golongan cacat penglihatan.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (61)

Tarikh: 29 November 2023

MBPJ TUAN RUMAH PERTANDINGAN KEBANGSAAN LARIAN MENARA 2023

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Persatuan Larian Menara Malaysia (PLMM) akan mengadakan Pertandingan Kebangsaan Larian Menara 2023 yang akan diadakan di Menara MBPJ, Seksyen 52, Petaling Jaya pada 17 Disember 2023.

Pertandingan ini merupakan usaha Majlis bagi menyokong penganjuran sukan larian menara sejajar dengan objektif dan usaha kerajaan dalam mengalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat sekaligus mempromosi Bandaraya Petaling Jaya sebagai lokasi “pelancongan sukan dalam bandar” di peringkat negeri juga antarabangsa.

Selain itu, penganjuran acara larian menara ini juga mampu menjadikan Petaling Jaya sebagai Pusat Latihan Larian Menara yang ulung seterusnya melahirkan bakat dan atlet baharu dalam sukan larian menara di Malaysia.

Antara tujuan lain pertandingan ini adalah bagi menggalakkan aktiviti sihat dikalangan masyarakat bermula dengan berjalan ataupun menaiki tangga. Aktiviti ini adalah usaha untuk mengurangkan kadar obesiti rakyat Malaysia yang berada di tahap 60%.

Bagi menyokong sukan ini, Majlis bersetuju untuk menyediakan lokasi bagi latihan larian menara yang diadakan pada setiap hari Sabtu jam 5.30 petang bersama PLMM sepertimana usaha MBPJ memberi sokongan kepada pelari menara nombor satu dunia, Soh Wai Ching.

Larian Menara MBPJ ini akan berlangsung pada jam 7 pagi dengan 2 pusingan “*Knock-out*” dimana 10 peserta terpuantas selepas 2 pusingan akan bertanding merebut hadiah wang tunai. Juara kategori lelaki dan wanita

terbuka akan memenangi RM1,500 manakala juara kategori lelaki dan wanita veteran akan menerima wang tunai berjumlah RM1,000 manakala Juara Kebangsaan akan menerima wang tunai tambahan sebanyak RM500.

Orang awam dijemput untuk menyertai acara Larian Menara MBPJ dan Pendaftaran dibuka secara dalam talian di [https://cps4.me/ event/mbpj-towerrun.100](https://cps4.me/event/mbpj-towerrun.100) peserta terawal yang mendaftar dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM40, peserta 100 hingga 200 RM50 dan selebihnya sebanyak RM60. Untuk makluman, sehingga kini seramai 200 peserta telah mendaftar bagi menyertai pertandingan ini. Kesemua peserta akan di beri sehelai baju *microfibre*, beg *non-woven* dan *finisher medal* yang mempunyai design lukisan artistik Menara MBPJ.

Peserta juga akan mendapat perlindungan insurans kemalangan daripada Pacific Group dan AQME, entiti baru di sektor insurtech. Pelan perlindungan ini termasuk perlindungan untuk kematian, kecacatan penuh, kos medikal dan pemberian elaun kemasukan hospital.

Untuk maklumat lanjut mengenai pertandingan ini, orang ramai boleh hubungi Persatuan Larian Menara Malaysia, En. Ravinder Singh (0122189921) dan Puan Karen Loh (0172378983).

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.